

## **UCAPAN BELANJAWAN 2003 DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

### **PENDAHULUAN**

Bismillahirrahmanirrahim

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Alhamdulillah segala puji bagi Allah buat pertama kalinya saya sebagai Datuk Bandar dapat mengumumkan Bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi Tahun 2003 dalam sidang akhbar pada pagi ini.

### **LATARBELAKANG**

Ucapan Bajet Tahun 2003 yang dibentangkan oleh YAB Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 20 September 2002 menyatakan bahawa ekonomi negara kita bertambah baik dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah kembali pulih. Ekonomi Negara keseluruhannya telah meningkat pada kadar sekurang-sekurangnya 5.6% pada suku tahun ketiga tahun 2002.

Sementara Kerajaan memberi penekanan kepada aktiviti perniagaan dan perusahaan dalam negeri bagi menjana pertumbuhan yang lebih tinggi dan strategi kerajaan untuk meningkatkan pelaburan tempatan dalam semua sektor yang berpotensi menjana pertumbuhan serta pemulihan keyakinan sektor swasta untuk memacu semula pertumbuhan ekonomi negara, maka DBKL selaku sebuah Kerajaan Tempatan akan memantapkan lagi peranannya untuk menyokong pertumbuhan ekonomi Kuala Lumpur.

Oleh itu, selaras dengan wawasan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai Bandaraya Bertaraf Dunia, DBKL akan terus berusaha mengujudkan suasana hidup berkualiti, selesa, makmur, selamat dan sihat bagi semua peringkat wargakota. Sebagai sebuah Bandaraya yang berkembang maju dan makmur, DBKL akan menentukan bahawa kualiti infrastruktur, alam sekitar, pengurusan bandar, kemudahan awam dan kemudahan sosial mencapai tahap yang lebih tinggi bagi tujuan memenuhi keperluan majoriti wargakota, para pelancong dan para pelabur.

Justeru itu, walaupun DBKL tidak mempunyai instrumen Fiskal dan Moneteri untuk mengerakkan pertumbuhan ekonomi Bandaraya tetapi ia akan menggunakan sepenuhnya instrumen perancangan guna-tanah bandar dan pembangunan infrastruktur bagi menggerakkan perkembangan ekonomi. Dalam masa yang sama ia akan terus mengukuhkan kedudukan kewangannya supaya matlamat bajet seimbang dapat dicapai.

### **PERUNTUKAN BAJET 2003**

Bagi tahun 2003, DBKL dijangka membelanjakan sejumlah RM1,815,924,690 berbanding RM1,470,110,920 dalam tahun 2002. Ini merupakan kenaikan sebanyak 23.52%. Dana Bandaraya Kuala Lumpur Yang Disatukan pada tahun 2003 dijangkakan perolehan hasil sebanyak RM918,657,720 berbanding dengan tahun 2002 sebanyak RM871,532,900 iaitu kenaikan sebanyak 5.41%. Kenaikan hasil cukai langsung hanya dijangka bertambah sebanyak RM19.84 juta atau 3.5% tanpa kenaikan kadar cukai.

Anggaran Hasil Tahun 2003 adalah terdiri daripada Hasil Cukai sejumlah RM585.24 juta (63.71%), Terimaan Bukan Hasil sejumlah RM79.33 juta (8.63%), Hasil Bukan Cukai RM254.08 juta (27.66%).

Dari jumlah peruntukan RM1,815,924,690 sebanyak RM888.504 juta atau 48.93% untuk perbelanjaan mengurus dan sebanyak RM927.420 juta atau 51.07% untuk perbelanjaan pembangunan. Peruntukan pembangunan meningkat sebanyak 51.69% dan belanja mengurus hanya meningkat sebanyak 3.47% berbanding dengan Bajet Tahun 2002. Perbelanjaan Pembangunan akan dibiayai sebahagian besarnya daripada lebihan terkumpul sebanyak RM447.188 juta dan Bantuan Kerajaan Pusat sebanyak RM405.232 juta serta Caruman dari Dana Cukai Am dan Sumbangan dari Akaun Penswastaaan dan Usahasama.

### **PERBELANJAAN MENGURUS**

Peruntukan sebanyak RM579.52 juta atau 65.22% disediakan untuk perbelanjaan perkhidmatan. Ia terdiri daripada perbelanjaan-perbelanjaan berikut:-

#### 1) Perkhidmatan Pembersihan Bandar

Peruntukan perkhidmatan mengambil RM151.347 juta atau 17.03% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2003. Bayaran kerja pembersihan dan pengurusan stesyen pemindahan sisa pepejal sahaja menelan belanja sebanyak RM135.16 juta atau 15.21%.

#### 2) Perkhidmatan Kesihatan Awam

DBKL menyediakan perkhidmatan kesihatan awam melalui kesihatan alam sekitar dan kesihatan keluarga. Perkhidmatan kesihatan alam sekitar meliputi kawalan vektor, kawalan pest, kawalan mutu air, kawalan kesihatan makanan dan epidemiologi. Perkhidmatan kesihatan keluarga meliputi perkhidmatan kesihatan ibu mengandung dan kanak-kanak, perkhidmatan kesihatan ke sekolah-sekolah dan pendidikan kesihatan.

Pada tahun 2003 sebanyak RM39.656 juta akan dibelanjakan untuk perkhidmatan ini berbanding dengan RM43.01 juta pada tahun 2002.

#### 3) Perkhidmatan Jalan Raya dan Pengangkutan Awam

Bagi menentukan keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya DBKL akan membelanjakan RM83.87 juta atau 9.44% di peruntukan. DBKL dijangka akan menerima bantuan penyelenggaraan jalan sebanyak RM30 juta daripada Kerajaan Persekutuan. Sepanjang lebih 1,200 km jalan telah diselenggarakan dan dibaikpulih pada tahun 2002.

Manakala perkhidmatan pengangkutan awam diantaranya membaiki dan menyelenggara lampu isyarat, penyelenggaraan perhentian bas dan teksi, penandaan garisan jalan dan penyelenggaraan kemudahan terminal menelan belanja sebanyak RM26.58 juta berbanding dengan RM22.95 juta dalam tahun 2002.

#### 4) Perkhidmatan Saliran Induk Sungai

Program mengatasi banjir kilat masih diteruskan yang melibatkan sungai dan sistem saliran. Sepanjang lebih 420 km panjang sistem saliran induk akan diselenggarakan melibatkan perbelanjaan RM10.73 juta berbanding RM8.80 juta dalam tahun 2002. Perbelanjaan penyelenggaraan ini tidak termasuk peruntukan pembangunan untuk kerja-kerja pembinaan dan pengorekan kelodak, projek tebatan banjir, pembinaan kolam takongan banjir dan kerja mempertingkatkan perparitan induk dan sistem saliran yang menelan perbelanjaan besar. Walaupun kejadian banjir kilat telah dapat dikurangkan tetapi lebih banyak lagi usaha diperlukan untuk meningkatkan kebersihan saliran dan perparitan bagi melancarkan aliran air sungai utama di Kuala Lumpur.

#### 5) Pengurusan Perumahan Awam

DBKL mempunyai tanggungjawab untuk menyediakan dan mengurus perumahan awam termasuk Perumahan Rakyat yang disewa kepada golongan berpendapatan rendah. Sebanyak RM143.64 juta telah disediakan dalam tahun 2003 berbanding RM119.26 juta dalam tahun 2002 iaitu kenaikan sebanyak 20.44%. DBKL belum bercadang untuk menyemak kadar sewa dan caj perkhidmatan yang dikenakan walaupun Akaun Perumahan Awam mengalami defisit yang membimbangkan.

#### 6) Perkhidmatan Sosial, Rekreasi, Sukan dan Kebudayaan

Sejumlah RM117.81 juta atau 13.26% disediakan untuk tujuan menyediakan perkhidmatan perpustakaan, penyelenggaraan taman-taman awam, perayaan-perayaan awam, kebudayaan, kemajuan sukan dan penyelenggaraan stadium, dewan-dewan orang ramai, kegiatan dan persembahan muzik dan orkestra serta kelengkapan baru yang disediakan.

### **PERBELANJAAN PERBANGUNAN**

Peruntukan sebanyak RM927.42 juta telah disediakan daripada peruntukan keseluruhan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan dalam tahun 2003 berbanding RM611.39 juta dalam tahun 2002 iaitu kenaikan sebanyak 51.69%. Perbelanjaan pembangunan ini dibiayai dari pelbagai hasil DBKL, Bantuan dari Kerajaan Pusat dan

sumbangan berkanun daripada pemaju. Di antara perbelanjaan yang terlibat adalah pembinaan jalanraya dan pengangkutan awam, kerja saliran dan perparitan, pembinaan projek-projek kemudahan awam dan kemudahan sukan, pembelian kenderaan, jentera dan komputer, kemudahan rekreasi dan pembinaan bangunan pasar dan pusat-pusat penjaja.

## **STRATEGI DAN KEUTAMAAN DALAM BAJET PEMBANGUNAN TAHUN 2003**

### **KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDARAYA BERTARAF DUNIA**

i) Matlamat untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai Bandaraya Bertaraf Dunia telah dan sedang digerakkan. Diantaranya kita harus memastikan keadaan persekitaran yang bersih, kawasan yang indah perlu diutamakan oleh semua lapisan masyarakat wargakota. Jalan-jalan akan diselenggara dengan lebih baik supaya pengguna jalanraya akan lebih selesa. Pemasangan lampu-lampu jalan dan pencahayaan akan ditambah terutama di tempat-tempat yang selalu dikunjungi oleh orang ramai, siar kaki dan tempat duduk akan ditambah bagi pejalan-pejalan kaki. Lorong-lorong belakang akan diterang dan dipindahkan. Kuala Lumpur akan terus menjadi sebuah Bandaraya Taman Bercahaya dan Bandaraya Terbersih Di Dunia.

ii) Penyediaan infrastruktur bandar sebagai penggerak ekonomi Kuala Lumpur seperti pembinaan jalan dan jambatan serta sistem pengurusan lalu lintas masih menjadi agenda pembangunan di Kuala Lumpur yang sedang pesat membangun. Pergerakan yang mudah, cepat, selamat dan murah masih menjadi pilihan pengguna jalan raya. Kemudahan prasarana ini juga akan menarik pemilik tanah membangunkan tanah mereka dan seterusnya akan menambah hasil DBKL bilamana lebih banyak bangunan perniagaan dan perdagangan bertaraf dunia serta perumahan baru yang berkualiti untuk memenuhi keperluan semua peringkat dan golongan.

iii) Pembinaan infrastruktur yang melibatkan kerja pembinaan jalanraya memakan perbelanjaan yang besar iaitu sejumlah RM397.55 juta atau 42.9% daripada perbelanjaan pembangunan. Kerja yang terlibat termasuklah mempertingkatkan jalan sambungan, membina persimpangan bertingkat, membina jalan sambungan dan membina jalan susur serta jejambat dari taman-taman. Diantara projek yang akan dimulakan iaitu Persimpangan Bertingkat ke Pasar Borong, Persimpangan Bertingkat Jalan Cheras ke Taman Len Seng dan ke Taman Segar/Taman Taynton, Persimpangan Bertingkat di Jalan Ampang/Jalan Jelatik. Di samping itu peruntukan sebanyak RM145.65 juta disediakan untuk kerja pengangkutan bandar seperti membina ruang menunggu teksi, mendirikan panel laluan bas, kemudahan pejalan kaki, pemasangan papan tanda, membaiki persimpangan jalan, pemasangan lampu berisyarat dan peralatan keselamatan serta meningkatkan sistem kawalan lalu lintas dan pemasangan 'Integrated Transportation Information System' (ITIS) bagi Lembah Klang yang melibatkan perbelanjaan yang besar.

### **KUALA LUMPUR YANG BEBAS DARI MASALAH SOSIAL**

iv) Gangguan sosial ibukota perlu dibasmi di peringkat awal dengan cara membina lebih banyak kemudahan sosial dan rekreasi yang mencukupi dan mudah sampai. Pembinaan taman awam baru di antaranya Taman Tasik Pudu Ulu, Taman Rimba dan Taman Arboretum Bukit Kiara serta Taman Botani Bukit Jalil akan di laksanakan di samping meningkatkan kemudahan dalam taman yang sedia ada akan diperhebatkan. Disamping itu kemudahan perpustakaan terutama di kawasan perumahan awam akan dipertingkatkan. Perpustakaan Kuala Lumpur akan dibuka kepada orang awam pada tahun 2003. Bagi menggiatkan kegiatan kebudayaan, teater dan kesenian, DBKL akan menyiapkan kerja ubahsuai dan naiktaraf Panggung Bandaraya dan mengadakan Lanai Seni di Laman Tunku Abdul Rahman yang memberi kemudahan kepada penggiat senibudaya tanahair.

Sejumlah RM53.065 juta disediakan untuk membina kemudahan rekreasi seperti membina dan menaiktaraf taman-taman awam, menaikkan taraf lanskap di taman-taman, menaiktaraf taman permainan kanak-kanak di taman dan di kawasan perumahan awam, penanaman pokok dan pembinaan air pancutan dan sebagainya. Sementara itu, bangunan kemudahan awam seperti membina dan membaikpulih dewan serbaguna, pusat-pusat komuniti di perumahan awam, pusat jagaan harian wargatua, kelab wanita kota dan sebagainya akan ditingkatkan dan melibatkan perbelanjaan sejumlah RM39.21 juta. Disamping itu kerja membina dan menyiapkan bangunan kemudahan sukan, gelanggang dan padang bolasepak serta kerja menaiktarafkan kompleks sukan yang sedia ada akan terus di pertingkatkan. Kerja ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM18 juta. Berbagai program pembangunan sosial juga diaturnya sepanjang tahun bertujuan untuk menyalurkan maklumat dua-hala dan memupuk serta mengukuhkan perpaduan antara kaum.

### **KUALA LUMPUR SEBAGAI DETINASI PELANCONGAN**

v) Kerajaan telah mengisytiharkan Kuala Lumpur akan menjadi sebuah destinasi pelancongan dan pusat membeli-belah yang penting. Kuala Lumpur akan menjadi tuan rumah Mesyuarat Negara-negara Berkecuali ( NAM ) dan Persidangan Negara-negara Islam Se-Dunia pada tahun depan yang mana akan menerima ribuan pelancong dari luar negeri. Oleh itu Kuala Lumpur akan terus berusaha bagi memastikan kebersihan, keindahan, dan layanan mesra dan menganjurkan berbagai acara yang lebih menarik supaya lebih ramai pelancong akan tinggal lebih lama dan berbelanja besar bagi meningkatkan ekonominya. Usaha mempromosikan Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan yang selamat dan mesra pelanggan akan diteruskan. Acara menarik seperti Karnival Jualan Mega, Citrawarna dan Sukan Air dan Sukan Lasak adalah bidang baru yang mana Kuala Lumpur telah mempunyai banyak venue-venue dan kemudahan yang boleh menarik lebih ramai pelancong.

vi) Bandaraya Kuala Lumpur akan di cerahkan lagi dengan lampu-lampu limbah dan lampu hiasan beraneka bentuk di jalan-jalan. Di samping itu, pengindahan senitaman dan tanaman berbunga akan dipertingkatkan. Pusat perniagaan dan penjajaan seperti Jalan Petaling, Jalan Masjid India, Jalan Tunku Abdul Rahman, Jalan Chow Kit dan Kampong Baharu akan digabungkan menjadi rangkaian membeli belah yang dihubungkan dengan rangkaian jalan dan pejalan kaki serta dipindahkan lagi bagi menggalakkan kegiatan tersebut untuk semua peringkat.

vii) Bagi mempromosikan Kuala Lumpur sebagai pintu masuk pelancongan negara, DBKL telah menubuhkan Majlis Tindakan Pelancongan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sejajar dengan keperluan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sebagai jentera pelaksana ke arah memajukan sektor pelancongan. Unit Pelancongan juga telah ditubuhkan bagi menjalankan tugas-tugas berkaitan.

**Kuala Lumpur Bebas Setinggal Menjelang Tahun 2005 Menerusi Penempatan Semula Setinggal Dan Pembangunan Perumahan Awam**

viii) Golongan rakyat miskin bandar akan terus diberi tumpuan khas supaya nasib mereka terbelas. Program-program akan diteruskan termasuk pembangunan minda, tambahan makanan seimbang, pengagihan seimbang, peningkatan pendapatan dan pembangunan masyarakat.

Pelaksanaan projek-projek di bawah Program Perumahan Rakyat sejumlah 35,000 unit dengan perbelanjaan RM1.7 bilion yang akan diserahkan secara berperingkat kepada DBKL oleh Jabatan Perumahan Negara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mulai Tahun 2002 (5,000 unit) dan Tahun 2003 (26,000 unit) dan 2004 (4,000 unit). Rumah untuk disewa ini akan membolehkan DBKL menempatkan keseluruhan baki penduduk setinggal seramai 23,000 keluarga dan 6,000 penghuni rumah panjang selain dapat menyediakan rumah kepada golongan berpendapatan rendah yang lain.

Bagi memastikan wargakota berpendapatan rendah mampu memiliki rumah yang selesa, program rumah kos rendah dan sederhana rendah akan diteruskan melalui syarat perancangan yang dikenakan kepada pemaju perumahan. Manakala projek perumahan yang di jalankan melalui program penswastaaan dan usahasama akan diteruskan di mana sejumlah 33,594 unit telah di rancang dan dalam berbagai-bagai peringkat pembinaan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 22,400 unit rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana telah disiapkan.

Manakala Program Nadi bagi memberikan perkhidmatan tabika, kelas bimbingan, kelas tuisyen, kelas motivasi, kelas komputer dan sebagainya kepada golongan berpendapatan rendah di kawasan perumahan awam dan di kampung-kampung tradisi akan diteruskan.

DBKL juga menyediakan peruntukan yang besar untuk membangunkan kemudahan infrastruktur kawasan kampung tradisi dan kampung baru serta kawasan kurang maju. Pelan Jangka Pendek, Sederhana dan Jangka Panjang telah diatur untuk menaiktaraf infrastruktur yang sedia ada disamping melaksanakan jalan-jalan utama bagi tujuan membangunkan dan meningkatkan nilai hartanah di kawasan tersebut. Peruntukan awal sejumlah RM24 juta disediakan bagi menyediakan kemudahan asas kampung selain daripada beberapa projek khas membina dan meningkatkan jalan-jalan utama seperti di kawasan Segambut, Sungai Pencala, Gombak, Kampung Bharu dan kampung-kampung baru serta kawasan yang kurang maju yang lain.

## **MENINGKATKAN SEKTOR PENJAJAAN DAN SEKTOR INFORMAL YANG LAIN**

ix) Sektor penjaja telah lama diiktiraf oleh Kerajaan sebagai salah satu kegiatan ekonomi yang penting di Kuala Lumpur. Sektor penjaja telah mampu membekalkan perkhidmatan jualan runcit kepada segolongan pengguna dan saluran pembekalan barang dan perkhidmatan pengeluaran. Urusniaga yang di hasilkan oleh sektor ini agak besar yang mampu memberi peluang pekerjaan dan peluang menambahkan pendapatan dan sarahidup yang penting. Oleh

itu atas arahan Kerajaan, DBKL telah mengeluarkan 8,000 lesen penjaja baru menjadikan bilangan penjaja di Kuala Lumpur telah bertambah kepada lebih 42,000 orang. DBKL akan mengambil langkah memastikan kebersihan dan pengendalian makanan yang mematuhi peraturan yang disediakan. Di samping itu beberapa projek pembangunan pusat penjaja dan medan selera telah dan akan disiapkan bagi tujuan menempatkan semula penjaja dan peniaga kecil berkaitan. Sejumlah RM46.24 juta disediakan bagi membina dan meningkatkan taraf pasar dan pusat penjaja serta membangunkan semula Tapak Pasar Minggu Kg. Baru, menyiapkan Komplek Pasar Datuk Keramat dan membina Komplek Pasar Pantai Dalam.

## **MENINGKATKAN KUALITI HIDUP WARGAKOTA KE TAHAP TINGGI**

x) Kajian kualiti hidup Bandar yang dibiayai oleh Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu yang di keluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri menunjukkan bahawa 74.8% daripada responden menyatakan berpuashati dengan kualiti hidup di kawasan Bandar Kuala Lumpur. Mereka berpuashati dengan persekitaran dan keselamatan tempat kerja, pengangkutan awam, taraf kesihatan mereka dan perkhidmatan kesihatan awam. Begitu juga dengan sistem pendidikan, perkhidmatan perumahan, kemudahan bekalan air, elektrik dan perkhidmatan pembetulan. Lebih 70% berpuashati dengan kualiti alam sekitar seperti kualiti air minuman, keadaan hutan Bandar, kualiti udara dan kualiti sungai.

xi) Mengenai kehidupan keluarga sembilan daripada sepuluh berpuashati atau sangat berpuashati dengan kehidupan keluarga mereka, tahap keselamatan awam, kemudahan infrastruktur yang di sediakan di kawasan Bandar. Pada keseluruhannya kira-kira tiga perempat daripada responden melaporkan bahawa mereka berpuashati dengan kualiti hidup di kawasan Bandar. Empat perlima daripada mereka berpuashati dengan lapan daripada sebelas bidang kualiti hidup iaitu kehidupan keluarga, pendidikan, infrastruktur dan kemudahan, keselamatan awam, perumahan, kesihatan dan tempat kerja.

Bagi memastikan kualiti hidup wargakota sentiasa berada di tahap yang lebih tinggi, DBKL akan terus menentukan perancangan pembangunan di masa depan dengan mengambil kira semua kemudahan awam disediakan secukupnya. Kemudahan pengangkutan dan jalanraya yang cekap dan berkesan, perumahan yang berkualiti, persekitaran Bandar yang sehat dan selesa, imej Bandar yang mempunyai identiti sentiasa diberi perhatian utama. Perbelanjaan yang besar untuk mengemas dan menyelenggara bandar sebenarnya memberi kesan yang sangat tinggi terhadap keselesaan, kesihatan, keselamatan dan kebajikan wargakota.

## **MEMELIHARA ALAM SEKITAR BANDAR**

xii) Alam sekitar Bandar yang berkualiti merupakan satu aset yang tidak ternilai. Masyarakat kota lebih ramai menuntut supaya mereka dapat menikmati alam sekitar yang berkualiti. Kebersihan alam sekitar adalah tanggungjawab bersama. Kita harus Bersedia Menyumbang Bandaraya Cemerlang melalui projek-projek kebersihan dan keindahan alam sekitar. Taman-taman awam akan terus diperindahkan dan ditingkatkan. Program mengatasi banjir akan diperhebatkan dengan cadangan Kerajaan untuk membina terowong projek banjir 'Stormwater Management & Road Tunnel' (SMART) sepanjang 9.7km daripada Sungai Ampang/Sungai Kelang ke Sungai Kerayong menelan belanja sebanyak RM 2.1 billion. Di samping itu Projek Tebatan Banjir Sg Kelang yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan & Saliran Malaysia dilaksanakan sepenuhnya. Sejumlah RM79.912 juta telah disediakan untuk kerja pengorekan kelodak di sungai utama, pembersihan dan penyelenggaraan perangkap sampah, pembersihan dan penyelenggaraan takungan banjir, mempertingkatkan sistem saliran, pembinaan kalbat, pembinaan rumah pam, membina perparitan induk secara 'pipe jacking' dan sebagainya. Kesemua lima pakej tebatan banjir Kuala Lumpur telah hampir siap dan sehingga kini DBKL telah membelanjakan sembilan puluh peratus dari peruntukan sebanyak RM 120 juta yang diperuntukkan.

## **PEMODENAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN PERBANDARAN**

xiii) DBKL sebagai sebuah Penguasa Tempatan akan memainkan peranan sebagai penyokong pertumbuhan ekonomi Bandar. Usaha telah dan akan dibuat untuk meningkatkan kecemerlangan Pentadbiran dan pemodenan Bandar melalui penggunaan ICT. Langkah untuk menggunakan sistem-sistem pengkomputeran dalam pemrosesan pertimbangan tender, pengurusan projek, pemrosesan lesen dan premis, penguatkuasaan undang-undang, dan pengurusan kewangan akan dipertingkatkan. Strategi IT berjangka panjang telah dimulakan dengan penggunaan G.I.S., 'Integrated Transportation Information Sistem' (ITIS) dan perjalanan pengurusan lalulintas Berkomputer akan dipertingkatkan. Kakitangan diberi latihan berterusan untuk memahirkan diri dalam pengurusan perbandaran dan penggunaan teknologi ICT dalam urusan pentadbiran. DBKL telah menubuhkan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi bagi merancang dan membangunkan beberapa aplikasi ICT bagi menambahkan kecekapan pengurusan

dan memberi laluan mudah kepada wargakota mendapat maklumat dan perkhidmatan yang berkaitan. Urus tadbir yang baik dan ketelusan dapat dipertingkatkan melalui penggunaan kemudahan ICT yang terancang. Sejumlah RM35.61 juta diperuntukkan bagi tujuan tersebut.

Perkhidmatan DBKL akan berterusan memastikan 'delivery system' yang cekap serta mesra pelanggan. Kakitangan telah diminta untuk sentiasa menyemak proses dan prosedur dan berusaha mengurangkan karenah birokrasi bagi mempercepatkan urusan dengan pihak awam. Perkhidmatan yang cekap dan betul terutama dalam memproses permohonan perancangan dan pembangunan, pengeluaran lesen-lesen dan permit, penguatkuasaan undang-undang akan sentiasa diberi perhatian. Mesyuarat Antara Syarikat Swasta, Badan- Badan Koperasi dan Pertubuhan- Pertubuhan Bukan Kerajaan akan dipergiatkan selaras dengan Dasar Persyarikatan Malaysia yang bertujuan menjalinkan hubungan yang telus sekaligus meningkatkan perkhidmatan yang diberikan. Semua anggota perkhidmatan DBKL akan diorientasikan semula dan diterapkan budaya kerja cemerlang yang mengutamakan kecekapan, diplomasi serta komited dengan keperluan wargakota.

## **PROSPEK EKONOMI KUALA LUMPUR TAHUN 2003**

Apabila Kerajaan mengatur strategi dalam Bajet Negara melalui pemulihan sektor swasta yang lebih dinamik dalam menjana kegiatan ekonomi, pertumbuhan ekonomi negara amnya dan Kuala Lumpur khususnya akan lebih mantap lagi. Bagi tahun 2003, ekonomi Malaysia dijangka berkembang di antara 6.0 hingga 6.5% di mana sektor pembuatan dijangka berkembang dengan lebih giat lagi iaitu sebanyak 8.5% manakala sektor perkhidmatan sebanyak 5.9% . Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) kadar pertumbuhan tahunan purata telah meningkat daripada 4.2% dalam RMKe-7 kepada 7.5% sepanjang tempoh RMKe-8 melalui sektor perkhidmatan yang penting seperti perniagaan dan kewangan.

Pertumbuhan ekonomi berasaskan pertumbuhan berpunca sumber domestik akan menggalakan perkembangan sektor perkhidmatan yang memberi sumbangan lebih 83% kepada peningkatan Keluaran Dalam Negeri Kasar WPKL. Pelaburan sektor swasta yang meningkat dan pelaburan awam yang dijangka terus meningkat akan mendorong ekonomi Kuala Lumpur berkembang dengan pesatnya sesuai dengan peranannya sebagai pusat kewangan, perniagaan dan perdagangan yang penting di Malaysia.

Walaupun DBKL tidak mempunyai instrumen fiskal dan monetari tetapi melalui pembinaan infrastruktur bandar yang cekap dan pengubahan dasar-dasar pembinaan akan dapat menggerakkan pertumbuhan ekonomi Bandaraya.

Sehubungan dengan itu, Pelan Struktur Kuala Lumpur Tahun 2020 dijangka akan diumumkan kepada orang ramai dan akan diwartakan pada pertengahan tahun 2003. Pelan Perancangan Metropolitan Kuala Lumpur Berjangka Panjang ini akan mengandungi dasar dan strategi yang menyeluruh sebagai garis panduan yang sangat berguna bagi pembangunan akan datang sejajar dengan Dasar Pembangunan Nasional dan Wawasan 2020.

## **RUMUSAN DAN PENUTUP**

Dengan pelaksanaan strategi bajet 2003 serta asas-asas ekonomi yang terus kukuh, ekonomi WPKL dijangka akan dapat mencapai kadar pertumbuhan sebagaimana diunjurkan. Selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang kukuh, kuasa beli wargakota dijangka lebih tinggi dengan pendapatan perkapita yang bertambah melebihi 2 kali ganda purata Negara. Ia juga akan membolehkan pertumbuhan ekonomi WPKL mencapai lebih 7.5% setahun. Sementara itu, kadar pengangguran terus berkurangan kepada 1.4% dan kadar kemiskinan kepada 0.05%. Kadar kemiskinan dijangka akan menurun ketahap sifar menjelang tahun 2005.

Oleh yang demikian, DBKL akan meneruskan usaha meningkatkan pelaksanaan program perkhidmatan perbandaran dan projek-projek pembangunan prasarana, sosial dan lain-lainnya yang akan menjana pertumbuhan yang mampan dan seimbang kearah Kuala Lumpur Lebih Maju Dan Makmur Secara Meyeluruh Menjelang Tahun 2010.

Akhirnya, saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua pihak termasuk ahli korporat, peniaga, kontraktor, penjaja kecil, pemaju perumahan, pertubuhan dan persatuan serta badan badan bukan kerajaan, para sukarelawan dan semua wargakota pelbagai lapisan untuk sama-sama berganding bahu melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita membangunkan Kuala Lumpur yang kita cintai ini. Seperti amanah YAB Perdana Menteri kita bahawa perjuangan untuk membangunkan Negara masih belum selesai. Jalan yang akan kita tempuh masih jauh dan berliku. Marilah kita sama-sama memartabatkan dan memuliakan bangsa yang menuntut kecekalan dan ketabahan, keazaman dan ketekunan, kejujuran dan keikhlasan serta pengorbanan segenap lapisan Bangsa Malaysia.

Dalam kesempatan ini juga, saya mengulangi ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada media masa, pemimpin masyarakat, pertubuhan- pertubuhan sukarela dan badan-badan professional serta persatuan-persatuan penduduk yang prihatin untuk melapor dan memberikan maklum balas dalam pelbagai permasalahan yang dihadapi oleh wargakota Kuala Lumpur. Kerjasama ini saya sanjung tinggi dan saya akan memberi perhatian berat kepada pandangan dan teguran yang dikemukakan demi kebaikan dan kesejahteraan wargakota. Harapan kita untuk melihat Kuala Lumpur lebih kemas, lebih bersih, indah dengan kualiti hidup yang selesa, Insya Allah.

Sekian, terima kasih.